



**MALAY A1 – STANDARD LEVEL – PAPER 2
MALAIS A1 – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 2
MALAYO A1 – NIVEL MEDIO – PRUEBA 2**

Friday 23 May 2003 (afternoon)

Vendredi 23 mai 2003 (après-midi)

Viernes 23 de mayo de 2003 (tarde)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Answer one essay question only. You must base your answer on at least two of the Part 3 works you have studied. You may include in your answer a discussion of a Part 2 work of the same genre if relevant. Answers which are not based on a discussion of at least two Part 3 works, will not score high marks.

INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS

- Ne pas ouvrir cette épreuve avant d'y être autorisé.
- Traiter un seul sujet de composition. Vous devez baser votre réponse sur au moins deux des œuvres de la 3^e partie que vous avez étudiées. Le cas échéant, vous pouvez inclure dans votre réponse une discussion sur une œuvre du même genre littéraire étudiée dans la 2^e partie du programme. Les réponses qui ne sont pas basées sur au moins deux des œuvres de la 3^e partie n'obtiendront pas une note élevée.

INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Elija un tema de redacción. Su respuesta deberá basarse en al menos dos de las obras estudiadas en la Parte 3. Se podrán hacer comentarios sobre una obra de la Parte 2 del mismo género, si fuera necesario. Las respuestas que no incluyan una discusión sobre al menos dos obras de la Parte 3 no recibirán notas altas.

Tuliskan satu eseai mengenai **satu** daripada perkara-perkara berikut. Jawapan anda hendaklah berdasarkan kepada sekurang-kurangnya dua daripada karya-karya yang anda kaji dalam Bahagian 3. Rujukan mendalam kepada satu karya dari jenis yang sama dalam Bahagian 2 adalah dibenarkan tetapi hanyalah sebagai tambahan kepada sekurang-kurangnya dua karya dalam Bahagian 3. Rujukan kepada karya-karya lain adalah dibenarkan tetapi tidak boleh menjadi bahagian utama jawapan anda.

Cerpen

1. Sama ada

- (a) Kebanyakan cerpen Melayu memaparkan tema-tema yang mempunyai kaitan dengan perkembangan sosio-politik Malaysia yang berlaku semasa ianya ditulis. Berdasarkan kepada cerpen-cerpen yang anda kaji, bincangkan teknik penceritaan yang dilakukan oleh para penulis berkenaan untuk memaparkan tema-tema ini.

Atau

- (b) Terdapat cerpen-cerpen yang berkisar kepada pergolakan jiwa yang berlaku pada watak-watak utamanya. Berdasarkan kepada satu atau dua watak dari cerpen-cerpen yang anda kaji, bincangkan bagaimakah pergolakan jiwa itu digambarkan dan apakah kesannya kepada anda.

Drama

2. Sama ada

- (a) Drama Melayu menunjukkan kecenderungan untuk mengemukakan watak-watak wanita yang rendah akhlak sebagai protagonis. Beri pendapat anda tentang kecenderungan ini berdasarkan drama-drama yang anda kaji.

Atau

- (b) Seringkali terdapat persoalan pertentangan nilai masyarakat dalam drama, misalnya antara golongan tua dan muda, kaya dan miskin, bandar dan desa, dan sebagainya. Dengan merujuk kepada drama-drama yang anda kaji, bincangkan bagaimana persoalan ini digambarkan.

Novel

3. *Sama ada*

- (a) Bincangkan pemaparan watak-watak bukan Melayu dalam novel-novel Melayu, berdasarkan novel-novel yang anda kaji. Berikan contoh-contoh pemaparan di atas dan bincangkan kesan menyeluruh yang dirasakan.

Atau

- (b) Karya sastera seperti novel boleh menjadi satu bahan yang menyindir pihak-pihak tertentu. Bincangkan unsur sindiran yang dilakukan oleh pengarang berdasarkan novel-novel yang anda kaji.

Prosa Tradisional

4. *Sama ada*

- (a) Prosa tradisional Melayu sering menggambarkan watak-watak yang sering menyamar kerana sesuatu muslihat. Bincangkan kenyataan ini dengan memberi contoh-contoh yang sesuai.

Atau

- (b) Gaya penceritaan prosa tradisional mempunyai kelainan yang nyata berbanding dengan prosa moden. Dengan memberikan contoh-contoh, bincangkan teknik ini dan nyatakan pendapat anda tentang kesannya kepada pembaca.

Puisi

5. *Sama ada*

- (a) Terdapat banyak puisi Melayu yang bersifat patriotik. Berdasarkan puisi-puisi yang anda kaji, bincangkan unsur-unsur patriotisme yang dikemukakan.

Atau

- (b) “Cinta” merupakan satu tema besar yang sering dipuisikan. Berdasarkan puisi-puisi yang anda kaji, bincangkan “cinta” yang berbeza yang disampaikan oleh penyajak-penyaljak.

Am

6. Sama ada

- (a) Terdapat karya yang membawa tema dan persoalan yang sangat luar biasa dan seterusnya meninggalkan kesan yang berpanjangan kepada pembaca. Bincangkan karya dan persoalan yang pernah meninggalkan kesan yang berpanjangan mendalam kepada anda, dan kenapa.

Atau

- (b) Konflik yang timbul dari perbezaan keturunan dan kepercayaan agama boleh menjadi faktor pengolahan cerita yang berkesan. Bincangkan persoalan ini berdasarkan karya-karya yang anda kaji.

Atau

- (c) Berdasarkan kepada mana-mana karya yang berbeza, bincangkan perbezaan-perbezaan dalam perjuangan wanita di Barat dan perjuangan wanita di Timur yang dipaparkan.

Atau

- (d) Peperangan boleh menjadi satu latar yang berkesan dalam perkembangan jalan cerita dan juga perkembangan watak. Bincangkan kenyataan ini berdasarkan karya-karya yang telah anda kaji.
-